

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT TANAH DAERAH BESUT,
KAMPONG RAJA, 22020 BESUT,
TERENGGANU DARUL IMAN

NORJULEYANA BINTI JUSOH

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

85m.20007

1100045523

cm: 5249

PERPUSTAKAAN KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)			
Pengarang Norzuliana binti Jusoh.		No. Panggilan LI 124	
Judul/tañhan industri di pejabat tanah daerah		FPE! 2004	
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

1100045523

LI 14 FPE 1 2004



1100045523
Laporan akhir latihan industri di Pejabat Tanah Daerah Besut,
Kampung Raja / Norjuleyana Jusoh.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045523		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI PEJABAT TANAH DAERAH BESUT,
KAMPONG RAJA, 22020 BESUT,
TERENGGANU DARUL IMAN.**

**Oleh
NORJULEYANA BINTI JUSOH
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2004

1100045523

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Norjuleyana Binti Jusoh**, No. Matrik **UK 7361** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Norjuleyana Binti Jusoh.

Tarikh : 02 September 2004

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah dengan izin dan inayahNya saya dapat menyiapkan sebuah Laporan Latihan Industri SOS 4299 yang telah saya jalani pada 22 Mac hingga 12 Jun 2004 yang lalu. Saya amat berterima kasih kepada pihak Pejabat Tanah Daerah Besut kerana sudi menerima saya sebagai pelatih untuk menimba pelbagai pengalaman yang berguna.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Latihan Industri, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) serta ahli-ahli jawatankuasa dan Penyelia Latihan Industri saya Prof. Madya Salleh Bin Lebar kerana telah memberikan saya tunjuk ajar dan kerjasama yang positif sepanjang tempoh latihan ini diadakan

Akhir sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa, rakan-rakan serta kepada sesiapa yang terlibat dalam membantu serta memberi sokongan dan pertolongan kepada saya semasa menjalani tempoh Latihan Industri ini.

Sekian, terima kasih.

Norjuleyana Binti Jusoh,
374, Kampung Dengir,
22000 Jertih,
Terengganu Darul Iman.

Senarai Kandungan

Ringkasan Eksekutif.....	i
-----------------------------	---

Bab 1

Pengenalan Kepada Organisasi

1.1 Sejarah Daerah Besut	1
1.2 Latar Belakang Organisasi.....	3
1.3 Carta Organisasi.....	5
1.4 Objektif Organisasi.....	6
1.5 Kemudahan Di Pejabat Tanah Besut	
1.5.1 Ruang Pejabat.....	8
1.5.2 Peralatan Komputer.....	8
1.5.3 Mesin Fotostat.	9
1.6 Struktur Aktiviti Organisasi Pejabat Tanah Besut (PTB).....	10
1.7 Perkembangan Pejabat Tanah Besut.....	13
1.8 Kemahiran Yang Ingin Di Pelajari Semasa Latihan.....	15

Bab 2

Pengenalpastian Masalah

2.1 Mengesan Sistem Yang Ada	
2.1.1 Sistem Manual.....	18
2.1.2 Sistem Maklumat.....	18
2.1.2.1 Punch Card (Kad Perakam Waktu)	19
2.1.2.2 Komputer Berinternet.....	19

2.1.2.3	Mesin Fax.....	20
2.1.2.4	Sistem Telefon.....	20
2.1.2.5	Sistem Kiriman Segera.....	20
2.1.2.6	Sistem Kuanter.....	21
2.2	Analisis Swot.....	22
2.2.1	Kekuatan (Strenght)	
2.2.1.1	Berpandukan Objektif Dan Moto.....	23
2.2.1.2	Kakitangan Yang Berkemahiran, Cekap Dan Berdedikasi.....	23
2.2.1.3	Amalan Budaya Kerja Yang Cemerlang.....	24
2.2.1.4	Semangat Kerjasama Dalam Pasukan.....	25
2.2.1.5	Keyakinan Pelanggan.....	25
2.2.1.6	Peruntukan Kewangan Yang Mencukupi.....	26
2.2.1.7	Pengkhususan Tugas Yang Jelas.....	26
2.2.1.8	Kerjasama Yang Baik Dengan Agensi Lain.....	26
2.2.1.9	Latihan.....	27
2.2.1.10	Kualiti Suasana Dan Persekitaran Di Tempat Kerja.....	27
2.2.2	Kelemahan (Weakness)	
2.2.2.1	Kekurangan Semangat Kerja Berpasukan.....	28
2.2.2.2	Ruang Pejabat Yang Terhad.....	28
2.2.2.3	Kegagalan Dan Kesukaran Melengkapkan Urusan Rakyat.....	29
2.2.2.4	Kekurangan Peralatan Logistik.....	29

2.2.3 Peluang Dan Usaha (Opportunity)	
2.2.3.1 Pindaan Undang-Undang Yang Sedia Ada.....	30
2.2.3.2 Penggunaan Media Massa.....	30
2.2.3.3 Meningkatkan Kesedaran Pelanggan.....	31
2.2.4 Ancaman (Treats)	
2.2.4.1 Bebanan Kepada Pegawai.....	31
2.2.4.2 Peruntukan Kewangan.....	31
2.2.4.3 Kurang Berkemahiran Dalam Pengetahuan It.....	32
2.2.4.4 Dasar-Dasar Kerajaan.....	32
2.3 Mengenalpasti Masalah.....	34
2.4 Rumusan Analisis Dan Perbincangan.....	37
2.5 Cadangan Penyelesaian.....	39
2.6 Perlaksanaan Cadangan Dan Implikasi.....	41

Bab 3

Penutup.....	44
--------------	----

Lampiran

Rujukan

RINGKASAN EKSEKUTIF

LATAR BELAKANG LATIHAN INDUSTRI

Latihan industri atau praktikum merupakan satu syarat wajib bagi semua pelajar Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial (POSESO) tahun 3 dalam memenuhi syarat pengijazahan Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Tujuan latihan industri diwajibkan kepada semua pelajar (POSESO) adalah untuk mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar di samping dapat meningkatkan pengetahuan pelajar tentang teknologi-teknologi terkini dalam industri.

Untuk menjalani latihan industri ini, setiap pelajar akan di tempatkan di sebuah organisasi awam atau swasta pergantung kepada pemilihan tempat yang di buat. Badan yang bertanggungjawab menyelaras organisasi/industri bagi pelajar menjalankan praktikum ialah urusetia latihan industri Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi. Mereka akan menyelaras organisasi/industri yang sesuai dengan kursus pengkhususan pelajar untuk dijadikan tempat menjalani latihan ini. Selain daripada itu latihan industri ini juga membolehkan organisasi/industri menilai dengan lebih dekat lagi mengenai kebolehan dan kemampun semua pelajar Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial dan kemampuan Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) menghasilkan graduan yang berkebolehan.

Pelajar akan berperanan untuk membantu organisasi dalam pengurusan pentadbiran berteraskan teknologi dan mempelajari perkara-perkara baru di organisasi terbabit. Pihak organisasi disaran supaya memberi maklum balas mengenai pelajar tersebut agar segala kelemahan dan kekurangan akan dijadikan sebagai panduan kepada pelajar terbabit. Hasil daripada latihan industri membolehkan semua pelajar lebih bersedia dan lebih berketerampilan untuk memenuhi permintaan tenaga kerja di bidang pengurusan pentadbiran yang berada dipasaran sekarang.

LATIHAN INDUSTRI DI ORGANISASI

Saya telah menjalani latihan industri selama 12 minggu iaitu bermula dari 21 Mac 2004 hingga 12 Jun 2004. Sepanjang tempoh itu, saya telah ditempatkan di sebuah jabatan kerajaan iaitu Pejabat Tanah Besut yang terletak di negeri Terengganu. Di pejabat ini saya telah seliaan oleh Encik Ab. Rasid bin Jusoh yang merupakan Penolong Pentadbir Tanah 1. Sepanjang menjalani latihan industri ini, saya telah didedahkan dengan persekitaran kerja yang sebenar, di mana saya telah diberikan tugas-tugas yang berkaitan dengan pentadbiran tanah.

Selain daripada itu saya juga telah didedahkan bekerja secara kumpulan (team work) dalam menguruskan merekod sambungan lesen menduduki sementara tanah (LMS). Saya

juga terlibat secara langsung dengan aktiviti tahunan Pejabat Tanah Besut iaitu Program Memunggut Hasil yang diadakan di Felda Tenang. Program ini disertai oleh lima orang.

Dari awal lagi saya telah dipertanggungjawabkan untuk merekod dan menyusun lesen menduduki sementara tanah (LMS) yang boleh menolong staf dalam menguruskan proses permohonan tanah.

Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi sepanjang menjalani latihan industri ini memberi banyak manfaat kepada pelajar amnya dan saya sendiri khususnya. Sesungguhnya pengalaman yang saya perolehi ini tidak dimiliki oleh pelajar lain yang telah sama-sama menjalani latihan industri bersama saya.

Mereka terdiri daripada pelajar Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan pelajar Politeknik Pahang (POLISHAH). Ini kerana mereka terlibat dalam pembinaan sistem dan kesetiausahaan. Pengalaman yang saya perolehi ini amat bermakna kepada saya. Sebelum ini, saya hanya memperolehi ilmu dan mempelajari subjek-subjek yang berkaitan secara teori sahaja tetapi dengan adanya latihan industri, ia membantu saya untuk memahami serta mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari dengan lebih sempurna lagi.

Diharapkan Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dapat mengeluarkan graduan-graduan yang lebih berkemampuan untuk memenuhi permintaan tenaga kerja dalam bidang semua bidang kursus dalam Pengurusan Pentadbiran..

OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah menggalakkan setiap pelajar Sarjana Muda Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial (POSESO) yang berada di semester lima untuk menjalani latihan industri. Latihan ini di jalankan di mana organisasi sama ada yang telah di tetapkan atau pun yang di pilih oleh Fakulti itu sendiri.

Latihan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar dalam mempraktikkan teori- teori yang telah di pelajari serta memahirkan diri dalam penggunaannya. Di antara objektif-objektif asas bagi latihan industri ini adalah seperti berikut:

1. Pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing.
2. Mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan.
3. Menjalinkan dan mengekalkan hubungan dengan alan profesional dalam bidang masing-masing.
4. Mamahami nilai etika profesional masing-masing.
5. Menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduati nanti.